

TERMA DAN SYARAT KAD KREDIT GSC HONG LEONG BANK (English Version)

Dikemas Kini pada 5 Ogos 2026

Terma dan syarat Kad Kredit GSC Hong Leong ("**T&S**") di bawah ini hendaklah dibaca bersama Perjanjian Pemegang Kad ("**Perjanjian**") Hong Leong Bank Berhad ("**HLB**"). Selain daripada variasi yang dinyatakan di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diterima pakai. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara terma dan syarat Perjanjian dengan T&S ini, T&S ini hendaklah diutamakan setakat mana yang berkenaan dengan Kad Jenama Bersama (seperti yang ditakrifkan di sini). Dengan menerima Kad Jenama Bersama, Pemegang Kad (seperti yang ditakrifkan di sini) bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan terma dan syarat Perjanjian.

1. **Definisi:** Dalam T&S ini, melainkan jika konteksnya mempunyai makna yang sebaliknya atau melainkan dinyatakan di sini, ungkapan berikut mempunyai maksud berikut:
 - (a) "**Pemegang Kad**" bermaksud individu yang namanya tertera pada Kad Jenama Bersama, sama ada **Pemegang Kad Utama**" dan/atau "**Pemegang Kad Tambahan**", melainkan dinyatakan sebaliknya;
 - (b) "**Click to Pay**" bermaksud kaedah pembayaran yang boleh digunakan untuk membeli tiket wayang GSC serta Makanan dan Minuman secara dalam talian melalui Kad Debit atau Kad Kredit semasa pembayaran;
 - (c) "**Kad Jenama Bersama**" bermaksud kad kredit GSC Hong Leong (Kad kredit GSC *Gold* dan Kad Kredit GSC *Platinum*) yang dikeluarkan oleh HLB dengan logo GSC tercetak padanya dan/atau apa-apa nama, logo dan/atau tanda niaga lain mengikut yang ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa, melainkan dinyatakan sebaliknya;
 - (d) "**Tawaran Barangan Konsesi**" bermaksud diskaun tiga puluh peratus (30%) bagi pembelian Barangan Konsesi yang dibeli melalui laman web GSC atau aplikasi mudah alih GSC dan diskaun sepuluh peratus (10%) bagi pembelian Barangan Konsesi di kaunter pawagam GSC tertakluk pada pengecualian di T&S ini;
 - (e) "**Barangan Konsesi**" bermaksud bertih jagung, snek dan minuman yang ditawarkan untuk dijual oleh GSC melalui laman web GSC, Aplikasi Mudah Alih GSC atau di kaunter pawagam GSC;
 - (f) "**GSC**" bermaksud *Golden Screen Cinemas* yang diuruskan dan dikendalikan di bawah nama *Golden Screen Cinemas Sdn Bhd*;
 - (g) "**e-Kios GSC**" bermaksud kios yang terdapat di kebanyakan lokasi GSC untuk membeli tiket atau mengambil tiket yang telah ditempah awal menggunakan ID pengesahan atau QR.
 - (h) "**Aplikasi Mudah Alih GSC**" bermaksud aplikasi mudah alih GSC;
 - (i) "**Mata Ganjaran GSC**" bermaksud mata yang diberikan oleh HLB kepada Pemegang Kad Utama;
 - (j) "**Penebusan Mata Ganjaran GSC**" bermaksud Pemegang Kad layak menebus tiket wayang GSC dan Barangan Konsesi dengan menggunakan Mata Ganjaran GSC;
 - (k) "**Program Mata Ganjaran GSC**" atau "**Program**" bermaksud Pemegang Kad dianugerahkan dengan pengganda Mata Ganjaran GSC mengikut kategori pembelanjaan berkenaan;
 - (l) "**Sistem Pesanan Kendiri GSC**" bermaksud sistem pesanan sendiri dalam talian GSC di Laman Web GSC/ <https://cso.gsc.com.my/CSO2/home> dan Aplikasi GSC sahaja, yang boleh digunakan untuk membeli barangan konsesi atau cenderahati tanpa perlu membeli

sebarang tiket wayang.

- (m) **"HLB Connect App"** bermaksud Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect;
 - (n) **"Format/Dewan Wayang"** bermaksud format atau dewan di mana wayang ditayangkan di pawagam GSC yang termasuk, tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa, wayang 2D, wayang 3D, Kelas Emas, Kelas Premier, *Premium Leather*, *Dolby Atmos*, *4DX*, *Twin Seats*, *Onyx Hall*, *MAXX*, *D-Box* dan *ScreenX*;
 - (o) **"Tawaran Tiket Wayang"** bermaksud potongan Ringgit Malaysia Enam (RM6) bagi setiap pembelian tiket dewasa melalui laman web GSC atau Aplikasi Mudah Alih GSC dan potongan Ringgit Malaysia Satu (RM1) bagi setiap pembelian tiket dewasa di kaunter pawagam GSC tertakluk pada terma dan syarat platform pembelian dan T&S di sini;
 - (p) **"Tawaran Kod Promo Tiket Wayang"** bermaksud keistimewaan yang diberikan kepada Pemegang Kad Utama NTC seperti yang dinyatakan dalam Klausa 8 di sini;
 - (q) **"Pemegang Kad Utama NTC"** bermaksud pemegang kad yang baru yang tidak memegang mana-mana Kad Kredit HLB (termasuk Kad Jenama Bersama) sebagai pemegang kad utama sebelum ini tetapi telah memohon Kad Jenama Bersama;
 - (r) **"Transaksi QR Pay"** bermaksud transaksi runcit dibuat melalui *HLB Connect App* menggunakan HLB QR Pay; dan
 - (s) **"RM"** bermaksud *Ringgit Malaysia* iaitu mata wang sah di Malaysia.
2. Kad Jenama Bersama hanya boleh digunakan untuk pembelian bagi kegunaan peribadi oleh orang perseorangan sahaja dan tidak boleh digunakan untuk pembelian perniagaan atau komersial. HLB berhak untuk menamatkan serta-merta mana-mana Kad Jenama Bersama yang digunakan untuk perbelanjaan untuk perniagaan atau komersial yang disifatkan oleh HLB sebagai perbelanjaan untuk perniagaan atau komersial dengan memberi notis awal, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Tawaran Tiket Wayang

(a) Pembelian melalui laman web GSC/Aplikasi Mudah Alih GSC

3. Pemegang Kad layak untuk menikmati Tawaran Tiket Wayang untuk sebarang pembelian tiket wayang jenis dewasa melalui laman web GSC atau Aplikasi Mudah Alih GSC menggunakan Kad Jenama Bersama, tertakluk pada terma dan syarat di sini. Tawaran Tiket Wayang hendaklah tertakluk pada had maksimum pembelian DUA BELAS (12) tiket jenis dewasa bagi setiap Kad Jenama Bersama setiap hari.
4. Tawaran Tiket Wayang terpakai untuk semua Format/Dewan Wayang sepanjang hari di semua pawagam GSC seluruh negara kecuali untuk:
- (i) tayangan di semua Panggung Wayang Aurum;
 - (ii) tayangan berdiskaun;
 - (iii) GSC Rewards melalui laman web GSC atau Aplikasi Mudah Alih GSC;
 - (iv) filem-filem festival;
 - (v) konsert, teater, atau tayangan khas;
 - (vi) filem tayangan semula;
 - (vii) filem-filem yang tertakluk pada sekatan tertentu oleh pengedar filem atau studio;
 - (viii) tayangan hari Rabu; dan

- (ix) jika **"Click to Pay"** dipilih sebagai kaedah pembayaran yang dibuat melalui laman web GSC atau Aplikasi Mudah Alih GSC. Bagi melayakkan Pemegang Kad menerima Tawaran Tiket Wayang tersebut, Pemegang Kad mestilah memilih kaedah pembayaran **"Kad Debit/Kredit"** semasa proses pembayaran;
 - (x) Bayaran dibuat melalui e-Kiosk GSC.
5. Tawaran Tiket Wayang tidak termasuk yuran tempahan yang dikenakan oleh GSC untuk setiap tiket wayang yang dibeli melalui laman web GSC atau Aplikasi Mudah Alih GSC, iaitu *Ringgit Malaysia* Lima Puluh Sen (RM0.60) untuk tiket biasa dan *Ringgit Malaysia* Satu (RM1) untuk tiket Kelas Premier, dan yuran tempahan tersebut hendaklah ditanggung oleh Pemegang Kad.

(b) Pembelian melalui Kaunter Tiket GSC Box Office (Walk in)

6. Pemegang Kad layak untuk menikmati Tawaran Tiket Wayang untuk sebarang pembelian tiket wayang jenis dewasa di Kaunter GSC (*Walk in*) menggunakan Kad Jenama Bersama, tertakluk pada terma dan syarat di sini. Tawaran Tiket Wayang hendaklah tertakluk pada had maksimum pembelian DUA BELAS (12) tiket jenis dewasa bagi setiap Kad Jenama Bersama setiap hari.
7. Tawaran Tiket Wayang boleh digunakan untuk wayang *2D, 3D, Dolby Atmos, 4DX, Twin Seats, DBOX, MAXX, Premium Leather*, Kelas Emas, Kelas Premier dan *Onyx Hall* sepanjang hari di semua pawagam GSC seluruh negara dan dewan Signature kecuali untuk:
- (i) tayangan di semua Panggung Wayang Aurum;
 - (ii) tayangan berdiskaun;
 - (iii) GSC Rewards melalui laman web GSC atau Aplikasi Mudah Alih GSC;
 - (iv) filem-filem festival;
 - (v) konsert, teater, atau tayangan khas;
 - (vi) filem tayangan semula;
 - (vii) filem-filem yang tertakluk pada sekatan tertentu oleh pengedar filem atau studio;
 - (viii) tayangan hari Rabu; dan
 - (ix) Bayaran dibuat melalui e-Kiosk GSC.

Tawaran Kod Promo Tiket Wayang

8. Pemegang Kad Utama NTC layak menebus semua tiket wayang jenis dewasa seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah dengan menggunakan kod promosi unik ("**Kod Promo Tiket Wayang**") yang dihantar kepada setiap Pemegang Kad Utama NTC mengikut dengan Klausa 12 di sini yang sah selama enam (6) bulan dari tarikh pengaktifan Kad Jenama Bersama ("**Tempoh Sah**") dengan syarat Kad Jenama Bersama tidak dibatalkan dan/atau akaun Kad Jenama Bersama tidak delinkuen:

Jadual 1

Pemegang Kad Emas NTC	Pemegang Kad Platinum NTC
Lima (5) tiket wayang GSC jenis dewasa percuma	Sepuluh (10) tiket wayang GSC jenis dewasa percuma

9. Tawaran Promo Tiket Wayang terpakai kepada semua tiket dewasa 2D biasa sahaja sepanjang hari di semua pawagam GSC seluruh negara (tertakluk pada masa tayangan wayang dan ketersediaan tempat duduk) kecuali untuk:
 - (i) tayangan berdiskaun;
 - (ii) GSC Rewards melalui laman web GSC atau Aplikasi Mudah Alih GSC;
 - (iii) filem-filem festival;
 - (iv) konsert, teater, atau tayangan khas;
 - (v) filem tayangan semula;
 - (vi) filem-filem yang tertakluk pada sekatan tertentu oleh pengedar filem atau studio;
 - (vii) tayangan hari Rabu; dan
 - (viii) Memilih "Click to Pay" sebagai kaedah pembayaran. Untuk layak mendapat manfaat kad, Pemegang Kad Utama NTC mesti memilih kaedah pembayaran "Kad Debit/Kredit" semasa pembayaran; dan
 - (ix) Pembelian yang dibuat melalui e-Kios GSC.
10. Bagi mengelakkan keraguan, pengelasan filem-filem yang dikecualikan (termasuk festival filem, tayangan khas, atau filem yang disekat oleh pengedar/studio) adalah ditentukan oleh GSC dan/atau pengedar filem masing-masing. Bagi sebarang pertanyaan atau pengesahan berkenaan kelayakan tajuk filem tertentu untuk Tawaran Tiket Wayang ini, Pemegang Kad Utama NTC adalah dinasihatkan untuk menghubungi Khidmat Pelanggan GSC secara terus.
11. Tawaran Kod Promo Tiket Wayang tidak termasuk yuran tempahan yang dikenakan oleh GSC untuk setiap tiket wayang yang dibeli melalui laman web GSC atau Aplikasi Mudah Alih GSC, iaitu Ringgit Malaysia Lima Puluh Sen (RM0.60) untuk tiket biasa dan Ringgit Malaysia Satu (RM1) untuk tiket Kelas Premier, dan yuran tempahan tersebut hendaklah ditanggung oleh Pemegang Kad Utama NTC.
12. Bagi mengelakkan keraguan, setiap transaksi pembelian tiket wayang yang dilakukan oleh Pemegang Kad Utama NTC akan membolehkan Pemegang Kad Utama NTC untuk menebus hanya satu (1) tiket dewasa 2D biasa dengan menggunakan Kod Promo Wayang GSC unik. Oleh itu, bagi transaksi gandaan; Kod Promo Wayang GSC unik yang sama harus digunakan untuk menebus tiket dewasa 2D biasa, tertakluk pada maksimum tiga (3) transaksi bagi setiap Kad Jenama Bersama setiap hari.
13. Pemegang Kad Utama NTC mesti memasukkan butiran Kad Jenama Bersama mereka bersama dengan kod Promo Tiket Wayang untuk menebus tiket wayang percuma melalui laman web GSC atau Aplikasi Mudah Alih GSC.
14. Kod Promo Tiket Wayang akan dihantar kepada Pemegang Kad Utama NTC melalui Short

Message Service ("**SMS**") ke nombor telefon bimbit yang berdaftar dengan HLB setelah Kad Jenama Bersama diaktifkan oleh Pemegang Kad Utama NTC, tertakluk pada trafik SMS di rangkaian penyedia perkhidmatan telekomunikasi ("**Telco**") masing-masing.

15. HLB tidak akan bertanggungjawab dan tidak mempunyai apa-apa kawalan terhadap sebarang kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau kesesakan dan/atau gangguan di pihak Telco masing-masing atau terhadap apa-apa sebab lain sekalipun semasa proses penghantaran Kod Promo Tiket Wayang kepada nombor telefon bimbit berdaftar.
16. Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Utama NTC bertanggungjawab untuk memberi nombor telefon bimbit yang terkini dan tepat kepada HLB. HLB tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya HLB tidak dapat menghantar Kod Promo Tiket Wayang kepada Pemegang Kad Utama NTC sekiranya nombor telefon bimbit yang diberi oleh Pemegang Kad Utama NTC tidak tepat atau terkini, atau SMS itu tidak dapat dihantar atau disampaikan atas sebab gangguan rangkaian penyedia perkhidmatan telekomunikasi.
17. Pemegang Kad Utama NTC yang tidak menerima Kod Promo Tiket Wayang setelah mengaktifkan Kad Jenama Bersama hendaklah menghubungi Pusat Panggilan Hong Leong di 03-7626 8899 dalam masa enam (6) bulan dari tarikh pengaktifan Kad Jenama Bersama, jika tidak, beliau akan dianggap telah menerima Kod Promo Tiket Wayang dan apa-apa tuntutan pembayaran ganti Kod Promo Tiket Wayang selepas 6 bulan dari tarikh pengaktifan Kad Jenama Bersama tidak akan dilayan oleh HLB.
18. Kecuali bagi ganti rugi yang timbul secara langsung daripada keingkaran sengaja atau kecuai melampau HLB, HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang Kod Promo Tiket Wayang yang tidak dituntut selepas Tempoh Sah Laku atau sekiranya Kod Promo tidak diterima oleh Pemegang Kad Utama NTC atas apa-apa sebab sekalipun termasuk tetapi tidak terhad kepada nombor telefon bimbit yang tidak tepat dan/atau tidak terkini yang didaftarkan dengan HLB.
19. Pemegang Kad Utama NTC boleh menyemak bilangan tiket wayang yang tersedia untuk penebusan menggunakan Kod Promosi Tiket Wayang dengan:
 - (a) menghubungi Pusat Panggilan Hong Leong di 03-7626 8899; atau
 - (b) menyemak laman web GSC/ Aplikasi Mudah Alih GSC.
20. Kod Promo Tiket Wayang akan terbatal atau lupus serta-merta apabila berlaku salah satu peristiwa berikut, dan HLB tidak akan memberi sebarang bayaran balik, perlanjutan atau pampasan:
 - (a) pembatalan Kad Jenama Bersama atas apa jua sebab sekalipun;
 - (b) akaun Kad Jenama Bersama menjadi delinkuen;
 - (c) tawaran Kod Promo Tiket Wayang ditamatkan atas apa jua sebab sekalipun;
 - (d) penggunaan Kad Jenama Bersama tanpa kebenaran atau melibatkan penipuan, sepertimana ditentukan oleh HLB; dan/atau
 - (e) tempoh Sah Kod Promo Tiket Wayang telah luput.
21. Pemegang Kad Utama NTC hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan Kod Promosi

Tiket Wayang uniknya selamat, terjamin dan sulit dan HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang penubusan tiket wayang tanpa kebenaran dengan menggunakan Kod Promo Tiket Wayang GSC unik. Kecuali untuk ralat nyata, HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penubusan tanpa kebenaran tiket wayang dengan menggunakan Kod Promosi Tiket Filem GSC yang unik.

Tawaran Barangan Konsesi

22. Pemegang Kad berhak untuk menikmati Tawaran Barangan Konsesi untuk sebarang pembelian Barangan Konsesi menggunakan Kad Jenama Bersama kecuali untuk pembelian:
- (a) tayangan di semua Panggung Wayang Aurum;
 - (b) tayangan pada hari Rabu;
 - (c) GSC Rewards melalui laman web GSC atau Aplikasi Mudah Alih GSC;
 - (d) jika **"Click to Pay"** dipilih sebagai kaedah pembayaran yang dibuat melalui laman web GSC atau Aplikasi Mudah Alih GSC. Bagi melayakkan Pemegang Kad menerima Tawaran Tiket Wayang tersebut, Pemegang Kad mestilah memilih kaedah pembayaran "Kad Debit/Kredit" semasa proses pembayaran.
 - (e) Bayaran dibuat melalui e-Kiosk GSC.

Program Mata Ganjaran GSC ("Program")

23. Pemegang Kad layak menyertai Program dan memperolehi Mata Ganjaran GSC berikut berdasarkan Kategori Perbelanjaan yang ditetapkan:

Bil.	Kategori Perbelanjaan	Gandaan Mata Ganjaran GSC
1.	Perbelanjaan GSC	3X
2.	Perbelanjaan Luar Negara	3X
3.	Perbelanjaan E-dagang	3X
4.	Perbelanjaan Runcit Lain	1X
5.	Terkumpul bagi Perbelanjaan Runcit Lain yang berjumlah RM1,000 atau lebih dalam satu bulan kalendar	Tambahan 1X*

- (a) Perbelanjaan Luar Negara bermaksud sebarang perbelanjaan runcit yang dicaj dalam mata wang asing tanpa mengira lokasi transaksi itu dilakukan.
- (b) Perbelanjaan GSC bermaksud tiket wayang dan/atau pembelian barangan konsesi melalui laman web GSC, Aplikasi Mudah Alih GSC atau di kaunter GSC.
- (c) Perbelanjaan E-dagang bermaksud sebarang pembelian runcit dalam talian tanpa mengira mata wang.
- (d) Perbelanjaan Runcit Lain bermaksud sebarang pembelian runcit kecuali Perbelanjaan GSC, Perbelanjaan Luar Negara dan Perbelanjaan E-dagang.

*Amaun terkumpul bagi Perbelanjaan Runcit Lain akan dikira berdasarkan transaksi yang dicatatkan atas penyata Kad Jenama Bersama pada akhir setiap bulan kalendar. Pemegang Kad yang membelanjakan amaun Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) atau lebih bagi

Perbelanjaan Runcit Lain akan layak menerima tambahan 1X mata ganjaran setiap 1 hari bulan berikutnya.

24. Program ini mengecualikan transaksi-transaksi berkaitan Kerajaan, JomPay dan transaksi FPX, pendahuluan tunai, Pindahan Baki ("**BT**"), Quick Cash ("**QC**"), Pelan Pembayaran Fleksi ("**FPP**"), pindahan dana, transaksi QR Pay melalui HLB Connect App, DuitNow AutoDebit, transaksi petrol dan mana-mana fi dan caj yang dikenakan oleh HLB.
25. Bagi *Extended Payment Plan* ("**EPP**"), Mata Ganjaran GSC akan diberi berdasarkan jumlah kiraan ansuran bulanan.
26. Mata Ganjaran GSC di bawah Program ini akan ditentukan mengikut tarikh pencatatan transaksi iaitu tarikh transaksi itu dicatatkan dalam akaun Kad Jenama Bersama Pemegang Kad.
27. Pemegang Kad hanya akan layak menerima Mata Ganjaran GSC bagi semua transaksi yang dilakukan dengan menggunakan Kad Jenama Bersama. Pemegang Kad tidak dibenarkan untuk memindahkan sebarang mata ganjaran yang diterima daripada kad kredit HLB yang lain kepada himpunan Mata Ganjaran GSC.

Penebusan Mata Ganjaran GSC

28. Pemegang Kad hanya berhak menggunakan Mata Ganjaran GSC untuk menebus tiket wayang GSC bagi semua Format/Dewan Wayang dan Barangan Konsesi di semua pawagam GSC kecuali Panggung Wayang Aurum ("**Penebusan**") tertakluk pada perkara berikut:
 - (a) penebusan tidak berkenaan bagi semua tiket berdiskaun;
 - (b) Pemegang Kad mestilah mempunyai Mata Ganjaran GSC yang mencukupi dalam Kad Jenama Bersama mereka untuk menolak jumlah transaksi di semua cawangan GSC termasuk dewan Signature; dan
 - (c) Pemegang Kad mestilah menunjukkan Kad Jenama Bersama di kaunter pawagam GSC untuk membuat penebusan.
29. Sejumlah dua ratus (200) Mata Ganjaran GSC adalah setara dengan Ringgit Malaysia Satu (RM1) bagi nilai pembelian tiket wayang/Barangan Konsesi, dan nilai ini tertakluk pada perubahan seperti yang ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa.

Contoh:

Bil.	Produk Penebusan	Penukaran Mata Ganjaran (RP) GSC	Penebusan RP Diperlukan
1	1 Tiket Wayang GSC	200 RP = RM1	RM18.50 setiap tiket = 3,700 RP
2	1 Set Kombo	200 RP = RM1	RM14.50 setiap set kombo = 2,900 RP

30. Pemegang Kad juga berhak menebus produk atau perkhidmatan yang terdapat dalam Katalog Ganjaran Hong Leong Club dengan menggunakan Mata Ganjaran GSC berdasarkan mata ganjaran yang dinyatakan dalam katalog tersebut.
31. Pemegang Kad juga berhak melakukan penebusan segera di beberapa peniaga yang terpilih (selain Panggung Wayang Aurum) dengan menggunakan Mata Ganjaran GSC. Untuk maklumat lanjut mengenai peniaga yang terpilih, sila rujuk laman web berikut: <https://www.hlb.com.my/content/dam/hlb/my/docs/pdf/Personal/CreditCard/Rewards/hlb-epp-participating-merchants.pdf>

Fi Tahunan

Fi Tahunan akan dikenakan seperti berikut:

32. Kad GSC Gold

Pemegang Kad Utama	RM 150
Pemegang Kad Tambahan	RM 75

*Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan.

Fi tahunan akan dikecualikan apabila anda menggunakan Kad GSC Gold anda dengan perbelanjaan runcit minimum Ringgit Malaysia Lapan Ribu (RM 8,000) dalam ulang tahun, untuk Pemegang Kad Utama dan Tambahan secara individu. Bagi mengelakkan keraguan, semua transaksi yang berkaitan dengan kerajaan dan/atau JomPAY akan diambil kira dalam pengiraan perbelanjaan runcit tahunan tersebut.

33. Kad GSC Platinum

Pemegang Kad Utama	RM 300
Pemegang Kad Tambahan	RM 150

*Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan.

Fi tahunan akan dikecualikan apabila anda menggunakan Kad GSC Platinum anda dengan perbelanjaan runcit minimum Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (RM 15,000) dalam tahun ulang tahun, untuk Pemegang Kad Utama dan Tambahan secara individu. Bagi mengelakkan keraguan, semua transaksi yang berkaitan dengan kerajaan dan/atau JomPAY akan diambil kira dalam pengiraan perbelanjaan runcit tahunan tersebut.

Umum

34. Tawaran Tiket Wayang, Tawaran Kod Promo Tiket Wayang, Program Mata Ganjaran GSC, Penebusan Mata Ganjaran GSC, Tawaran Barangan Konsesi **TIDAK**:
- (a) sah atau terpakai bersama-sama dengan mana-mana tawaran, promosi, diskaun, baucar atau kad keistimewaan lain, melainkan dimaklumkan sebaliknya kepada Pemegang Kad;
 - (b) untuk dijual atau digunakan dalam apa jua cara untuk keuntungan oleh Pemegang Kad;
 - (c) boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga; dan/atau

- (d) boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau jenis, sebahagian atau sepenuhnya.
35. Untuk mengelakkan keraguan, Pemegang Kad **TIDAK** dibenarkan untuk menjual, menjual semula atau menggunakan dalam apa-apa cara untuk mendapatkan keuntungan mana-mana tiket wayang yang dibeli di bawah Tawaran Tiket Wayang, Tawaran Kod Promo Tiket Wayang dan Penebusan Mata Ganjaran GSC.
36. HLB berhak memotong atau membatalkan mana-mana Tawaran Tiket Wayang, Tawaran Kod Promo Tiket Wayang, Program Mata Ganjaran GSC, Penebusan Mata Ganjaran GSC dan Tawaran Barangan Konsesi daripada mana-mana akaun Kad Jenama Bersama dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad.
37. Keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Kad Jenama Bersama adalah muktamad dan terikat ke atas Pemegang Kad, dan sebarang rayuan tidak akan dilayan oleh pihak HLB.
38. Perjanjian, sama ada diulangi di sini atau tidak, dianggap telah terangkum di dalam T&S ini. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan diantara Perjanjian dan T&S yang dibentangkan di sini, maka T&S yang dibentangkan di sini hendaklah diberi keutamaan.
39. HLB adalah berhak menurut budi bicaranya untuk:
- (a) meminda, memadam atau menambah manfaat atau ganjaran Kad Jenama Bersama seperti yang tertera didalam T&S ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal, termasuk tetapi tidak terhad kepada Tawaran Tiket Wayang, Tawaran Kod Promo Tiket Wayang, Program Mata Ganjaran GSC, Penebusan Mata Ganjaran GSC, Tawaran Barangan Konsesi; atau
 - (b) meminda, memadam atau menambah mana-mana T&S ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal; atau
 - (c) meminda, membatalkan, menggantung atau menamatkan ciri dan manfaat Kad Jenama Bersama dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal;
- dan apa-apa pindaan, pemadaman, penambahan, pembatalan, penggantungan atau penamatan oleh HLB boleh dibuat dengan meletakkan notis am dimana-mana terbitan akhbar harian kebangsaan atau dengan menampalkan notis am di mana-mana cawangan HLB atau laman sesawangnya atau dengan menggabungkan notis itu ke dalam penyata kewangan HLB yang akan dikeluarkan kepada Pemegang Kad secara berkala, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB. Notis tersebut hendaklah berkuat kuasa dari tarikh yang ditetapkan dalam notis dan jika tiada tarikh dinyatakan, maka ianya berkuat kuasa dari tarikh notis tersebut.
40. HLB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan atau apa-apa pampasan dan segala kerugian dan kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh Pemegang Kad secara langsung atau tidak langsung berkenaan pindaan, pengguguran, penambahan, pembatalan, penggantungan atau penamatan tersebut oleh HLB. Pemegang Kad bersetuju bahawa selagi mereka menggunakan Kad Jenama Bersama, mereka bersetuju dengan pindaan, pengguguran, penambahan, pembatalan, penggantungan dan/atau penamatan tersebut.

41. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, HLB atau mana-mana pegawai, penjawat, kakitangan, wakil dan/atau ejennya tidak bertanggungjawab sama sekali terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tanpa batasan, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara tak langsung, kebetulan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) sebagaimana berbangkit sekalipun, sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, bersabit dengan Kad Jenama Bersama GSC.
42. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelalaian disebabkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, pemogokan, kesekatan memasuki kerja, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan sistem teknikal atau apa-apa peristiwa di luar kawalan HLB.
43. Setakat yang dibenarkan undang-undang, HLB tidak mewakili atau memberi jaminan berkenaan Tawaran Tiket Wayang, Tawaran Kod Promo Tiket Wayang, Program Mata Ganjaran GSC, Penebusan Mata Ganjaran GSC, Tawaran Barangan Konsesi yang disediakan di bawah Kad Jenama Bersama.
44. T&S ini hendaklah dianggap sebagai kontrak yang dibuat di bawah undang-undang Malaysia dan tertakluk pada tafsiran menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia atau mahkamah lain dengan bidang kuasa kompeten seperti yang diarahkan oleh HLB atas budi bicara mutlakny.
45. Tafsiran:
 - (a) Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan yang berhuruf besar akan mempunyai pengertian sama seperti ditakrif dalam Perjanjian dan Terma dan Syarat Kad melainkan ditakrif secara khusus dalam T&S ini.
 - (b) Perkataan yang merujuk jantina lelaki akan termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral dan begitu juga sebaliknya.
 - (c) Perkataan yang merujuk bilangan tunggal akan termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-76268899.